

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

17. Pembangunan Keluarga.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membina lebih Pusat Jagaan Kanak-Kanak Negeri Pulau Pinang dengan yuran yang berpatutan sebagai langkah mengurangkan beban ibu bapa muda yang tidak mampu membayar orang gaji di rumah dan bimbang tentang keselamatan anak mereka jika ditinggalkan bersama orang gaji di rumah?

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri telah menubuhkan dua (2) Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah untuk memberikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak untuk keluarga yang kurang berkemampuan termasuk ibu tunggal di Pulau Pinang. Secara keseluruhannya, terdapat sejumlah 55 Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri pada masa kini tidak berhasrat untuk membina lebih banyak Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri perlu meneliti aspek seperti bilangan kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan penjagaan, implikasi kewangan dan lain-lain berkaitan sebelum menubuhkan Pusat Jagaan Kanak-Kanak tambahan di Pulau Pinang.